



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATUK SERI HASNOL ZAM ZAM BIN HJ. AHMAD
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**MAJLIS POLEMIK SEJARAH MALAYSIA SESI KE-53
“KAMPONG BHARU, KUALA LUMPUR: WARISAN
SEJARAH ATAU TRANSFORMASI MASA DEPAN?”**

**17 FEBRUARI 2025 (ISNIN)
10.00 PAGI**

**AUDITORIUM DBKL, MENARA DBKL 1
JALAN RAJA LAUT, KUALA LUMPUR**

Bismillahir rahmanir rahim

Assalaamu`alaikum warahmatullahi wabarakaatuh

Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan Salam Perpaduan.

SALUTASI

**Salutasi terkini akan dikemukakan pada hari program.*

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah marilah kita mengucapkan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana atas Rahmat dari-NYA jua kita diberi kesempatan untuk bersama-sama di **Majlis Polemik Sejarah Malaysia Sesi Ke-53 yang bertemakan “Kampong Bharu, Kuala Lumpur: Warisan Sejarah atau Transformasi Masa Depan?”** Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Menara DBKL 1 pada hari yang berbahagia ini.
2. Penganjuran **Majlis Polemik Sejarah Malaysia** ini telah memberikan sumbangan yang amat besar dalam perkembangan bidang sejarah di Malaysia khususnya dan di dunia amnya. Usaha dan inisiatif yang dilakukan oleh **Arkib Negara Malaysia** dengan kerjasama **Perpustakaan Kuala Lumpur bersama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur**

sedikit sebanyak dapat membantu kita merungkai fakta sejarah yang masih menjadi polemik dalam masyarakat dan negara hari ini sejak ia dianjurkan pada tahun 1994.

3. Tema **“Kampong Bharu, Kuala Lumpur: Warisan Sejarah atau Transformasi Masa Depan?”** yang dipilih pada hari ini adalah satu tema yang amat penting untuk kita kupaskan. Isu keseimbangan antara **pemeliharaan warisan sejarah** dan **kemajuan Kampong Bharu, Kuala Lumpur** yang menjadi simbol sejarah **“hidup”** di tengah-tengah kemodenan Bandaraya Kuala Lumpur perlu diperjelas dan diperhalusi kerana jika diambil mudah kelak bakal merugi dan mengeruhkan keharmohian masyarakat MADANI yang kita bentuk.
4. Saya percaya, program pada hari ini sejajar dengan matlamat Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dalam memperkasa sejarah, warisan dan budaya negara di bawah agenda perpaduan nasional dengan matlamat menyebarkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan berhubung Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

KAMPONG BHARU SEBUAH “SEJARAH HIDUP”

Hadirin yang saya hormati sekalian,

5. Kampong Bharu adalah sebuah kampung yang sangat terkenal di Kuala Lumpur yang menjadi **penempatan masyarakat Melayu** sejak ditubuhkan pada tahun **1900**. Walaupun dikelilingi oleh pembangunan bandar yang pesat, Kampong Bharu masih kekal mempertahankan **identiti dan tradisi Melayu** dalam bentuk **seni bina** rumah tradisional, **cara hidup**, serta **aktiviti harian komuniti Melayu**.
6. Tidak dilupakan juga pemeliharaan warisan dan keunikan monumennya yang tersendiri seperti **Masjid Jamek Kampong Bharu** yang dibina pada tahun **1909** yang menjadi salah sebuah masjid tertua di Kuala Lumpur; **Pasar Kampong Bharu, Pustaka Kampong Bharu** dan **Taman Kampong Bharu** yang menjadi tempat pertemuan dan aktiviti penduduk setempat sejak zaman berzaman.
7. Kampong Bharu adalah bukti penempatan masyarakat Melayu yang **bersejarah** dan **strategik** sejak **125 tahun** lalu. Penempatan ini masih **kekal bertahan** memelihara warisan dan budayanya dan terus berkembang menjadi **simbol kemajuan** dan **ikon komersial** masyarakat

Melayu. Kampong Bharu turut menjadi saksi kepada transformasi Bandaraya Kuala Lumpur daripada sebuah bandar kecil kepada bandar metropolis bertaraf dunia.

8. **“Perpaduan dalam kepelbagaian”** yang kita miliki pada hari inilah yang menjadi kunci utama kejayaan kita. Keupayaan seluruh rakyat meraikan kemajmukan etnik, kepelbagaian agama serta kekayaan budaya dan tradisi menjadi tunjang kekuatan kita yang mana refleksinya ada di Kampong Bharu.

PERANAN ARKIB NEGARA MALAYSIA SEBAGAI PEMELIHARA KHAZANAH WARISAN NEGARA

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

9. Sebagai penyimpan khazanah warisan negara, Arkib Negara Malaysia menempatkan pelbagai rekod sejarah terutama dalam bentuk bertulis yang bernilai kekal yang kita kenali sebagai bahan arkib. Bahan arkib yang disimpan ini amat tinggi nilainya. Ia merupakan sumber utama (Primer) mengandungi maklumat dan fakta yang tepat dan sahih berkenaan dengan sesuatu perkara atau peristiwa yang berlaku berkenaan dengan sejarah negara. Maklumat dan fakta yang tercatat di dalam bahan arkib ini perlu dikaji,

dipelajari, diulas serta disebarkan sebagai pedoman, pengetahuan dan pengajaran untuk manfaat generasi hari ini dan akan datang.

10. Arkib Negara Malaysia juga bertanggungjawab menjadikan bahan arkib ini tersedia untuk rujukan dan penyelidikan bagi kegunaan semua pihak merangkumi ahli akademik, pelajar sekolah dan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) serta masyarakat awam seluruhnya. Arkib Negara Malaysia juga menjadi pusat rujukan dan penyelidikan utama bagi jabatan kerajaan dalam mendapatkan maklumat berkenaan dengan memori institusi atau sejarah sesebuah jabatan kerajaan.
11. Bagi melengkapkan lagi bahan dalam simpanannya, Arkib negara juga mengambil pendekatan *total archives* dalam memperoleh rekod dan sumber persendirian sama ada dari dalam mahupun luar negara. Konsep *total archives* ini merupakan satu strategi dan pendekatan untuk mengumpul rekod-rekod pelbagai sumber meliputi rekod awam, rekod swasta dan rekod persendirian.
12. Rekod-rekod yang bernilai kekal yang diwujudkan di jabatan dan agensi kerajaan perlu diserahkan dan dipindahkan ke Arkib Negara Malaysia untuk disimpan kekal dan dipelihara. Ini penting agar generasi akan datang dapat merujuk

kembali rekod yang telah diwujudkan hari ini. Dengan adanya rekod ini, penyelidikan dan pembuktian sesuatu sejarah negara akan lebih lengkap dan sempurna.

13. Rekod berkaitan Kampong Bharu, Kuala Lumpur misalnya, yang terdapat di Arkib Negara Malaysia adalah kira-kira 2500 rekod yang terdiri daripada rekod-rekod berbentuk fail, manuskrip, kartografi, pandang dengar, terbitan, surat khabar, majalah, kertas kerja dan personalia.

MAJLIS POLEMIK SEJARAH MALAYSIA

Hadirin yang saya hormati sekalian,

14. Dalam usaha menentukan sesuatu penulisan sejarah itu sah dan berwibawa, sumber primer yakni rekod bertulis menjadi sumber yang paling penting. Ini kerana kandungannya asli, tiada tokok tambah, dan terpelihara dari segi faktanya. Pada hemat saya, adalah menjadi satu keperluan kepada masyarakat, untuk memastikan maklumat sejarah yang ditulis adalah tepat dan diperolehi dari sumber yang sah. Ini bagi membolehkan tafsiran yang diberikan mempunyai asas yang jelas serta berwibawa, bukan bersifat emosi dan menjadi tular tanpa asas yang kukuh.

15. Pada era ini, minat dan kecenderungan masyarakat telah berubah dengan adanya media sosial. Begitu banyak lambakan maklumat dan fakta sejarah yang disebarakan akhirnya mencetuskan perdebatan atau polemik di media sosial. Ini satu perkembangan yang baik untuk masyarakat lebih terbuka dalam membincangkan isu dan fakta sejarah, namun polemik yang tidak tepat dan tidak berkesudahan juga boleh memberikan kesan buruk jika tidak dibincangkan secara beradab, ilmiah dan didokong dengan fakta yang betul.
16. Usaha yang dilakukan oleh **Arkib Negara Malaysia** dengan menganjurkan siri **Majlis Polemik Sejarah Malaysia** banyak memberi manfaat dan sumbangan kepada pengkaji sejarah mahupun pemegang taruh (*stakeholder*) kepada isu-isu yang berkait rapat dengan sejarah. Polemik ini juga dapat menjadi medium terbaik bagi membentangkan hasil kajian oleh para penyelidik, ahli akademik serta ahli profesional dalam isu yang dipolemikkan.
17. Seiring dengan aspirasi **Kerajaan MADANI** yang menekankan nilai ketelusan, integriti, dan keterangkuman, adalah penting bagi kita untuk memastikan bahawa setiap perbincangan sejarah berlandaskan fakta yang sahih serta nilai-nilai ilmu yang tinggi. Sejarah yang ditulis dan

dibincangkan harus mencerminkan prinsip keadilan dan kesejahteraan yang menjadi teras pembangunan negara. Dengan adanya ruang wacana yang berstruktur dan akademik seperti ini, kita dapat memperkukuh naratif sejarah yang benar serta membina masyarakat yang lebih berpengetahuan dan berpandangan jauh.

18. Apa yang diharapkan agar **Majlis Polemik Sejarah Malaysia Sesi Ke-53** ini dapat memberi pencerahan serta percambahan idea yang boleh melanjutkan lagi perbincangan agar naratif dan kesimpulan sejarah itu mendapat hasil yang lebih tuntas selepasnya dan memberi kerangka yang jelas kepada masyarakat dalam menyelesaikan sesuatu isu yang timbul.

PENUTUP

Hadirin yang saya muliakan sekalian,

19. Semoga hasrat kita untuk memartabatkan dan melestarikan peradaban sejarah budaya bangsa dapat sama-sama direalisasikan.
20. Dengan kata-kata dan hasrat tersebut, saya dengan lafaz bismillahir rahmanir rahim merasmikan **MAJLIS POLEMIK SEJARAH MALAYSIA SESI KE-53 “KAMPONG BHARU,**

**KUALA LUMPUR” WARISAN SEJARAH ATAU
TRANSFORMASI MASA DEPAN?”.**

Sekian, terima kasih.